

# Cari laluan mantapkan sistem pendidikan

ISU sistem pendidikan negara yang **hangat** dibincangkan oleh pelbagai pihak hari **ini** dengan sendiri **menjelaskan** bahawa rakyat begitu prihatin terhadap kemajuan **pendidikan** kerana **ia** adalah **teras dalam menentukan** arah masa depan **bangsa. Apa juga bentuk** perdebatan mengenai sistem pendidikan negara perlu digalakkan kerana **ia** boleh mencetuskan idea dan pandangan **bernas, sama ada** untuk merombak jika sistem yang **ada** sudah lapuk atau setidak-tidaknya **memperbaiki** kelemahan yang **ada**. Lebih **banyak** pihak yang mengambil **daya** usaha untuk **membincangkan** perkara yang membabitkan **sistem** pendidikan sedia **ada**, adalah lebih baik kerana **ia** dapat **memberi** satu perspektif yang baru terhadap sistem pendidikan negara.

Oleh itu, Kongres Pendidikan Melayu **Pertama** anjuran bersama Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia **Barat** (KGMMB) dan **Kumpulan** Melayu Prihatin, yang akan diadakan **pada** 1 dan 2 September nanti, perlu diberi sokongan sewajarnya. Diharapkan kongres itu akan dapat menghasilkan rumusan yang **positif** untuk dikemukakan kepada kerajaan, seterusnya dilaksanakan. Disebabkan **pendidikan** adalah isu rakyat, sewajarnya rakyat turut dibabitkan dalam **membincangkan** isu yang penting itu.

Umum mengetahui pencapaian pelajar **Melayu** dalam **jurusan** pendidikan agak jauh ketinggalan berbanding kaum lain. **Mungkin** mudah untuk **menuding** jari terhadap **sikap** orang Melayu yang **tidak mengambil berat** terhadap **soal** pelajaran. Perkara **ini** perlu dihalusi kerana **mungkin ada** faktor yang

menyebabkan orang Melayu menjadi pasif terhadap pelajaran. Apakah **corak pendidikan** sedia **ada** begitu usang atau jumud **bentuknya** hingga membantutkan usaha mereka untuk menjadi masyarakat yang unggul dan cemerlang.

Perhatian **mungkin** perlu dibuat terhadap pencapaian baik oleh **murid** sekolah jenis **kebangsaan** **bagi** mengetahui apakah yang **mendorong** kejayaan itu. Dalam keadaan dunia yang berubah, sistem pendidikan sewajarnya bergerak mengikut peredaran zaman. **Persekitaran** dan **corak** pembelajaran 10 atau 20 tahun lalu, tentulah tidak **lagi** sesuai dengan pemikiran masyarakat hari **ini**. Kurikulum bukanlah sesuatu yang tidak boleh diubah jika didapati tidak **lagi** memenuhi tuntutan semasa. Masyarakat hari **ini** digalakkan **meluaskan** skop pengetahuan mereka, bukan **lagi** terlalu terkongkong dengan **cara** pendidikan yang konservatif.

Sebagaimana bidang lain, sistem pendidikan negara memerlukan nafas **baru** **bagi** menyediakan landasan menggerakkan **bangsa Melayu** yang **mapan**. Guru pula seharusnya bersiap sedia menghadapi **apa juga** perubahan yang bakal menyusul. Demikian pula masyarakat Melayu sendiri harus sanggup mengubah **sikap** terhadap pelajaran dengan sanggup **berkorban** **apa** saja demi membolehkan anak **mereka** mengikuti pelajaran hingga ke peringkat tertinggi. Masanya **mungkin** sudah tiba yang mereka tidak **lagi** boleh mengharap **segala-galanya** daripada kerajaan saia.

**Kongres Pendidikan Melayu** Pertama yang dijangka dirasmikan oleh **Perdana Menteri**, **Datuk Seri** Dr Mahathir Mohamad nanti **diharap** dapat membuka laluan kepada satu perubahan yang menjurus kepada penerimaan satu sistem pendidikan negara yang lebih **mantap**. Jika sebelum **ini** Kongres Ekonomi Bumiputera mampu menghasilkan pelbagai program untuk meningkatkan taraf **Bumiputera** dengan pewujudan pelbagai agensi yang ditubuhkan **semata-mata** membantu **pencapaian** Melayu dalam bidang ekonomi, tidak mustahil kongres pendidikan **ini** akan dapat melahirkan satu suntikan baru dalam bidang pendidikan.